

D089

U B413 BAH

MAHATHIR-UMNO

JITRA, 1 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA UMNO KINI SUDAH MENJADI PARTI NASIONAL KERANA PERJUANGANNYA UNTUK SEMUA KAUM DAN GERAKANNYA TIDAK TERHAD KEPADA KEPENTINGAN SESEBUAH KAWASAN SAHAJA.

PERDANA MENTERI BERKATA UMNO TELAH BERJALAN JAUH SEJAK DITUBUHKAN SEBAGAI PARTI MEWAKILI ORANG-ORANG MELAYU UNTUK MENGGAGALKAN USAHA BRITISH HENDAK MENAKLUK NEGARA INI.

+DARI SITU, PERJUANGAN UMNO DITERUSKAN UNTUK MENUNTUT KEMERDEKAAN DAN BERUSAHA MENENTUKAN SUPAYA KEMERDEKAAN DIISI DENGAN SEGALA KEHENDAK ANGGOTA-ANGGOTA UMNO DAN RAKYAT PADA KESELURUHANNYA,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI SEKOLAH MENENGAH SULTAN ABDUL HALIM, JENAN DEKAT SINI HARI INI.

PRESIDEN UMNO ITU BERKATA, DARIPADA SEBUAH PARTI YANG BERJUANG SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN ORANG MELAYU, UMNO SUDAH MENJADI PARTI YANG BERJUANG UNTUK SEMUA KAUM, MEMPERTIMBANGKAN KEPENTINGAN KAUM-KAUM LAIN DENGAN TIDAK MEMBELAKANGKAN KEPENTINGAN ORANG MELAYU SENDIRI.

+UMNO MENJADI SEBUAH PARTI NASIONAL DAN OLEH KERANA ITU PERJUANGANNYA TIDAK BOLEH TERHAD KEPADA SATU-SATU KAWASAN SAHAJA,+ KATANYA. -- LAGI.

1237MST 01 05 86

D090

U B414 BAH

MAHATHIR-UMNO 2 JITRA

UMPAMANYA, UMNO TIDAK BOLEH MENGHADKAN PERJUANGANNYA KEPADA KEPENTINGAN KUBANG PASU ATAU KEPENTINGAN MENDAPAT KEMENANGAN BAGI CALON DARI KUBANG PASU SAHAJA.

+SEBALIKNYA, DALAM PERHITUNGAN KITA, KEMENANGAN DI SINI HENDAKLAH DISUSULI DENGAN KEMENANGAN CALON-CALON LAIN BAIK DARIPADA UMNO ATAU PARTI LAIN DALAM KOMPONEN BARISAN NASIONAL DI TEMPAT-TEMPAT LAIN,+ JELASNYA.

MENURUTNYA DATUK SERI DR MAHATHIR, ANGGOTA-ANGGOTA UMNO BUKANNYA BERJUANG DALAM ARENA POLITIK SEMATA-MATA UNTUK MENGANGKAT DUA TIGA ORANG DI KALANGAN MEREKA SUPAYA DAPAT HIDUP MEWAH SEBAGAI WAKIL RAKYAT.

+SEBALIKNYA PERJUNGAN KITA IALAH UNTUK MENENTUKAN NASIB NEGARA, BANGSA DAN AGAMA,+ KATANYA.

OLEH ITU KATANYA, UMNO PERLU MENDAPAT KEMENANGAN YANG CUKUP PADA PILIHAN RAYA YANG AKAN DIADAKAN UNTUK MEMBENTUK KERAJAAN KERANA KERAJAAN SAHAJA YANG BERKUASA UNTUK MENENTUKAN DASAR-DASAR NEGARA INI. -- LAGI.

1241MST 01 05 86

D100

U B421 BAH

MAHATHIR-UMNO 3 JITRA

+JADI KEMENANGAN UMNO DI SESEBUAH KAWASAN TIDAK MEMPUNYAI MAKNA, MELAINKAN KITA JUGA MENDAPAT KEMENANGAN DI KAWASN-KAWASAN YANG LAIN,+ KATANYA.

SEBAB ITU, KATANYA, PERTIMBANGAN PERLU DIBERIKAN KEPADA KEPENTINGAN KAWASAN-KAWASAN LAIN, SELAIN KAWASAN YANG DITANDINGI OLEH UMNO, BAGI MENAMBAH BILANGAN WAKIL RAKYAT YANG AKAN MENDAPAT KEMENANGAN.

+KALAU KITA MENDAPAT KEMENANGAN DENGAN CALON-CALON KITA MENJADI MAJORITI, MAKA KETIKA ITU DAPATLAH KITA MENENTUKAN BENTUK KERAJAAN. DAPATLAH KITA MENGUASA DASAR-DASAR NEGARA INI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DENGAN ITU JELASLAH SESEBUAH KAWASAN ITU MEMPUNYAI HUBUNGAN RAPAT DENGAN UMNO DAN BARISAN NASIONAL DI TEMPAT-TEMPAT YANG LAIN.

+SEGALA GERAK-GERI KITA MESTILAH TERSUSUN SUPAYA MENGAMBIL KIRA APA YANG BERLAKU DI TEMPAT LAIN, MENGAMBIL KIRA KEMENANGAN YANG PERLU DICAPAI DI TEMPAT-TEMPAT YANG LAIN,+ KATANYA.

KATANYA BELIAU TELAH MENGULANGI PERKARA ITU BERKALI-KALI DAN YAKIN BAHAWA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO MEMANG MEMAHAMINYA. -- LAGI.
1259MST 01 05 86

U B430 BAH

MAHATHIR-UMNO 4 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN YANG DIBENTUK DENGAN MAJORITI YANG KECIL AKAN LEMAH KERANA DAPAT DIJATUHKAN DENGAN MUDAH SEKIRANYA PARTI-PARTI LAIN TIDAK MENYOKONG SESUATU DASAR YANG DIBUATNYA.

+KALAU KERAJAAN KUAT, DUA TIGA ORANG MENYEBERANG KEPADA PARTI LAWAN, TIDAK MENJADI MASALAH KERANA IA MASIH KUAT DENGAN PARA ANGGOTA YANG LAIN,+ TEGASNYA.

MENURUTNYA, SEBAB ITULAH DALAM PERJUANGAN BARISAN NASIONAL IA PERLU UNTUK MENDAPAT KEMENANGAN YANG BANYAK SEBOLEH-BOLEHNYA LEBIH DARIPADA DUA PERTIGA +BUKAN KITA TAMAK AKAN KUASA TETAPI UNTUK MENENTUKAN PEMBANGUNAN NEGARA INI TIDAK TERANCAM KERANA DUA TIGA ORANG.+

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYEBUT ADANYA USAHA-USAHA KONONNYA UNTUK MENENTUKAN PARTI BARISAN NASIONAL MENDAPAT DUA PERTIGA DARIPADA KERUSI-KERUSI YANG DIPERTANDINGKAN.

+SAYA ANGGAP ORANG YANG MEMPUNYAI HASRAT INI ORANG YANG TIDAK SUKA NEGARA INI AMAN ... ORANG YANG TIDAK SUKA KEPADA KEMENANGAN YANG BESAR INI, SEBENARNYA INGIN MENGADAKAN KERAJAAN YANG LEMAH,+ KATANYA.

-- LAGI.

1321MST 01 05 86

MAHATHIR-UMNO 5 JITRA

KATANYA, ORANG-ORANG INI BEGITU BERMINAT DENGAN KUASA POLITIK TETAPI TIDAK BERANI MEMASUKI GELANGGANG POLITIK.

MEREKA MENCUBA MERAHAI KUASA POLITIK DENGAN MENGGUNAKAN KEMPEN DI LUAR PARTI POLITIK KONONNYA KALAU KERAJAAN BARISAN NASIONAL TERLALU KUAT, MAKA IA AKAN MEMBELAKANGKAN SEGALA TINDAK-TANDUK YANG BAIK,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEJAK NEGARA MERDEKA, SEGALA YANG DIUSAHAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT, TIDAK ADA KEPENTINGAN LAIN YANG DIUTAMAKAN.

KATANYA PARA PEMIMPIN NEGARA DAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG DILANTIK OLEH KERAJAAN TIDAK MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN DIRI MASING-MASING.

UMPAMANYA, KERAJAAN PUSAT BERKUASA DAN BERHAK UNTUK MEMBENTUK GAJI MENTERI-MENTERI DAN PERDANA MENTERI DAN BOLEH DINAIKKANNYA KEPADA PERINGKAT SEBERAPA TINGGI YANG DISUKAINYA KERANA INI MERUPAKAN SATU DARIPADA KUASA YANG DIBERIKAN KEPADA JEMAAH MENTERI -- LAGI.

1323MST 01 05 86

MAHATHIR-UMNO 6 JITRA

TETAPI, KATA PERDANA MENTERI, IA TIDAK BERBUAT DEMIKIAN.

+KITA BERKUASA TETAPI KITA TIDAK BERBUAT DEMIKIAN, KITA TIDAK MENYALAHGUNAKAN KUASA, KITA BEKERJA SEPANJANG MASA UNTUK RAKYAT.+

MENURUTNYA, DI NEGARA-NEGARA LAIN, WAKIL RAKYAT YANG DIPILIH, SELEPAS DIPILIH, TIDAK BERTALOG DENGAN RAKYAT TETAPI MENGASINGKAN DIRI DARIPADA RAKYAT.

+TETAPI DI MALAYSIA, KADANG-KADANG WAKIL RAKYAT HENDAK TIDUR PUN TIDAK BOLEH SEBAB ORANG DATANG KE RUMAH,+ JELASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WALAUPUN KERAJAAN YANG DIPILIH ITU MEMPUNYAI MAJORITI YANG BEGITU BANYAK TETAPI IA SENTIASA MENGUTAMAKAN KHIDMAT KEPADA NEGARA DAN RAKYAT.

+MUNGKIN ADA SATU DUA ORANG YANG MALAS TETAPI YANG MALAS ITU MUNGKIN ITULAH KHIDMATNYA YANG TERAKHIR TETAPI YANG RAJIN ADA PELUANG LAGI, KALAU MALAS SORRYLAH,+ KATANYA DISAMBUT DENGAN TEPUK SORAK PARA HADIRIN. -- LAGI.

1403MST 01 05 86

D124

U B437 BAH

MAHATHIR-UMNO 7 JITRA

KATANYA, +KERAJAAN BARISAN NASIONAL MEMPUNYAI BILANGAN WAKIL RAKYAT YANG CUKUP BANYAK DAN DAPAT MENUBUHKAN KERAJAAN YANG CUKUP, TETAPI KITA TIDAK JADI SOMBONG DAN TIDAK LUPA TANGGUNGJAWAB KEPADA RAKYAT.

+SEBAB ITULAH DALAM SETIAP PILIHAN RAYA IA MENDAPAT KEMENANGAN YANG CEMERLANG,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN BARISAN NASIONAL TIDAK MAHU MENJADI POPULAR DENGAN CARA-CARA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB, TERUTAMA KETIKA MENGHADAPI PILIHAN RAYA.

+KITA TIDAK MAHU SUPAYA ORANG SUKA KEPADA KITA DENGAN CARA KITA SOGOK WANG KEPADA RAKYAT, KITA TIDAK PUN MAHU BUAT JANJI BAHAWA KALAU KITA MENANG KITA AKAN MEMBERI SESUATU.

+KITA TIDAK MAHU BUAT JANJI UNTUK POPULAR SEDANGKAN JANJI KITA ITU KALAU DITUNAikan AKAN MEROSAKKAN NEGARA KITA SENDIRI,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1405MST 01 05 86